

# Anwar Ibrahim mengaku pernah bertemu Wolfowitz

UM - 19/5/2007

KOTA BHARU 18 Mei - Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim mengaku mengenali, malah pernah bertemu dengan Presiden Bank Dunia, Paul Wolfowitz selepas keluar dari penjara tahun lepas.

Beliau berkata, pertemuan tersebut diadakan semasa beliau mendapatkan rawatan di Jerman.

"Saya mengaku pernah bertemu dengan Wolfowitz di Jerman selepas saya keluar dari penjara tetapi pada pertemuan itu saya mengatakan kepadanya Amerika Syarikat (AS) perlu keluar dari Iraq.

"Pandangan saya amat jelas, AS perlu keluar dari Iraq, salahkah saya berjumpa dengan dia, saya boleh berkawan dengan sesiapa sahaja tetapi pegangan saya adalah tetap," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah di Padang Awam Ketherah dekat sini malam tadi.

Turut hadir, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Pengerusi Perhubungan PKR Kelantan, Nik Mahmood Nik Hassan.

Wolfowitz merupakan bekas Timbalan Setiausaha Pertahanan AS yang menjadi 'pemikir utama' perang di Iraq.